

Surat pekeliling bayaran elaun khas diedarkan?

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Surat pekeliling mengenai cadangan pembayaran elaun khas dan kadar kenaikan gaji baru bagi kakitangan Kerajaan, dipercayai sudah pun diedarkan kepada ketua-ketua jabatan yang bertanggungjawab.

Kakitangan Kerajaan di semua peringkat dijangka menerima elaun khas bulanan di samping kenaikan gaji yang akan dilaksanakan sebelum Hari Raya, Ogos ini.

Berita Minggu difahamkan elaun tersebut adalah wajar bagi meringankan beban rakyat dalam menempuh kemelesetan ekonomi dunia.

Dipercayai, kakitangan kategori 'A' dijangka menerima elaun \$250, manakala kategori 'B' menerima \$70.

Sumber-sumber tersebut tidak menghuraikan elaun untuk lain-lain kategori. Bagaimanapun, mereka tetap akan menerimanya setimpal dengan gaji masing-masing.

Berita Minggu juga diberitahu, kakitangan Kerajaan kategori 'A' dijangka mendapat kenaikan gaji 16.1 peratus, berdasarkan kadar minima tangga gaji masing-masing.

Kakitangan kategori 'B' pula dijangka menerima kenaikan 20.6 peratus berdasarkan kadar minimal tangga gaji mereka.

Jawatankuasa Kabinet mengenai penyemakan semula gaji dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, difahamkan, telah pun menerima cadangan pertambahan gaji itu untuk penelitian terperinci.

Baru-baru ini dilaporkan bahawa gaji minima kakitangan kumpulan buruh dan perindustrian (IMG) dijangka naik dari \$195 kepada \$265 manakala maksimanya bertambah dari \$285 kepada \$425.

Cadangan-cadangan tangga gaji kategori C dan D belum dapat dipastikan lagi. Bagaimanapun, terdapat sumber-sumber mengatakan gaji permulaan bagi mereka berkelulusan SRP ialah \$295 dan maksimanya \$725, kecuali bagi jawatan jurutail dan operator telefon.

Gaji minima yang dicadangkan untuk mereka berkelulusan SPM pula ialah \$325 dan maksimanya \$1,150.

Setakat ini belum diketahui sama ada cadangan-cadangan tersebut sudah diluluskan oleh Kabinet.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia